

Isu Hak Asasi Manusia dalam Novel Ka-Mana Terbangnya?

Ros Anita Kartini Mohamed*

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM.

ABSTRAK

Hak asasi manusia atau kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh setiap individu di sisi undang-undang dan dianggap sebagai maruah diri seseorang. Wacana hak asasi manusia dilihat sebagai suatu fenomena baru di Malaysia. Makalah ini akan mengetengahkan Novel 'Ka-manaTerbangnya?' karya A. Samad Said yang menampilkan gejala pelacuran. Novel kajian dilihat sebagai satu wacana hak asasi manusia yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan hak-hak asasi manusia dalam pembentukan dinamik sosial dan budaya melalui gejala pelacuran yang ditampilkan. Karya A. Samad Said perlu dihayati dari segi pemaknaan dalamannya. Penulis mendapati penampilan faktor pelacuran dalam novel 'Ka-manaTerbangnya?' amat penting dan signifikan untuk dihubungkan dengan perjuangan hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam Universal Declaration of Human Rights 1948. Seterusnya, makalah ini melihat, novel 'Ka-manaTerbangnya?' dapat mendidik masyarakat supaya lebih terbuka mindanya, kembali kepada kearifan tempatan, sekaligus membuktikan bahawa orang Melayu memiliki kesedaran dalam soal pembentukan sahsiah sejak dahulu untuk kepentingan sejagat di alam Melayu.

Kata Kunci: Hak Asasi Manusia, *Universal Declaration of Human Rights 1948*, Kearifan Tempatan, Pekerja Seks, Karya Kreatif, Humanisme Liberal.

Human Rights Issue in Novel 'Ka-Mana Terbangnya?'

ABSTRACT

Human rights or fundamental freedoms are the property of every individual in law and regarded as a person's dignity. The human rights discourse is seen as a new phenomenon in Malaysia. This paper will feature Novel 'Ka-manaTerbangnya?' By A. Samad Said showing the symptoms of prostitution. The novel of the study is seen as a human rights discourse, which can raise the awareness of the human rights of society in the formation of social and cultural dynamics through the symptoms of prostitution shown. A. Samad Said's work needs to be understood in terms of its inner meaning. The writer found that the appearance of prostitution in the 'Ka-manaTerbangnya?' novel is very important and significant to be linked to the human rights struggle as contained in the Universal Declaration of Human Rights 1948. Next, this paper looks at the novel 'Ka-manaTerbangnya?' can educate the public to be more open minded, to return to local wisdom, as well as to prove that the Malays have a consciousness in the form of character formation ever since for the universal interest in the Malay world.

Keywords: Human Rights, *Universal Declaration of Human Rights 1948*, Local Wisdom, Sex Workers, Creative Work, Liberal Humanism.

PENDAHULUAN

A. Samad Said merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan Melayu Moden. Sumbangan yang banyak dalam pelbagai genre sastera, meluas dan beragam fokusnya

*Emel: ros_kartini@yahoo.com

yang tekal selama lebih kurang 41 tahun dalam bidang kesusasteraan Melayu Moden menjadikan beliau dikenali, disanjung dan mendapat pengiktirafan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara. Antaranya, A. Samad Said telah dinobatkan sebagai pejuang sastera oleh kerajaan Malaysia (1976), menerima S.E.A Write Award daripada kerajaan Thailand (1979), dan menerima Anugerah Sastera Negara daripada kerajaan Malaysia (1985). Beliau juga telah beberapa kali meraih kemenangan dalam Sayembara Hadiah Sastera Malaysia bagi tahun 1990 dan tahun 1996. Anugerah terakhir yang diterimanya dalam bidang kesusasteraan ialah Anugerah Sastera Nusantara (1999) dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-10. A. Samad Said juga telah tiga kali mendapat kurniaan pingat iaitu, Ahli Mangku Negara (1986) dan Kesatria Mangku Negara (1982) daripada Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong serta Darjah Mahkota Seri Melaka (1997) yang membawa gelaran “Datuk” daripada kerajaan Melaka (Ensiklopedia Sastera Dunia, 2000: 243). Makalah ini akan membincangkan salah sebuah karya beliau iaitu, novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ dan melihat novel ini dengan sorotan hak asasi manusia.

WACANA HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

Setiap orang memiliki kebebasan dan hak di sisi undang-undang. Hak Asasi Manusia, dipercaya memiliki nilai universal dan bersifat “borderless”. Nilai universal ini kemudiannya diterjemahkan dalam pelbagai bentuk pelaksanaan mengikut budaya sesebuah negara bagi melindungi dan menegakkan nilai-nilai kemanusiaan. Nilai-nilai universal ini dikukuhkan dalam instrumen antarabangsa seperti *International Covenant on Civil and Political Rights*, *International Covenant on Economic; Social and Cultural Rights*; *International Conventions on the Elimination of All Forms of Discrimination Againsts Women*; *Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment*; *Convention on the Rights of the Child*; dan *Convention Concerning the Prohibition and Immediate Action for the Elimination of the Worst Forms of Child Labour*. Hak ini yang dikatakan hak asasi manusia yang dianggap sebagai maruah dan harga diri seseorang. Hak asasi sering menjadi tuntutan dewasa ini supaya setiap insan diperlakukan dengan keadilan dan menuntut pengiktirafan yang sama rata tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, rupa paras, kulit, bahasa dan lain-lainnya (Harlida, 2001: 70). Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (selepas ini PBB) adalah merupakan titik permulaan pengakuan antarabangsa mengenai hak asasi manusia. Deklarasi ini memberi kebebasan ruang kepada individu untuk bersuara bagi memenuhi keperluan asas. Namun, terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tuntutan hak asasi itu berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain bergantung kepada kehendak masyarakat di sesuatu kawasan. Pandangan pertama adalah sewajarnya tuntutan hak asasi disesuaikan dengan keadaan masyarakat, budaya, undang-undang, geopolitik, keadaan ekonomi dan persoalan sosial sesebuah negara (Harlida, 2001: 71). Adalah penting dinyatakan di sini misalnya, bahawa sukar untuk negara Timur dan Barat mencapai kesepakatan mengenai hak asasi manusia 1948 kerana ciri-ciri budaya sudah tentu berbeza dari segi kafahaman. Pada setiap agama dan budaya terdapat nilai-nilai kemanusiaan dan perlindungan untuk semua (Mohd Faizal Musa, 2015: 52). Justeru hak asasi di Barat sering dikatakan agak keterlaluan dan sukar untuk diterima oleh masyarakat Timur seperti di Malaysia yang beza dari segi agama dan lokal tempatan. Sesungguhnya perdebatan berhubung dengan isu hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa adalah isu yang berterusan diperkatakan sehingga kini (Rohimi Hj. Shapiee, 1998:5).

Isu mencari penyelesaian kepada ketidakadilan dalam menuntut hak asasi manusia ini kemudiannya telah diguna oleh pengarang-pengarang tempatan dalam karya sastera untuk menggalurkan perjuangan dan tuntutan golongan terhadap hak saksama. Dalam makalah ini, sebuah karya kreatif A. Samad Said berjudul ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966), dikemukakan sebagai menunjukkan bahawa sebenarnya kepekaan pengarang terhadap isu diskriminasi dan ketidakadilan dalam pelayanan hak telah diangkat sebagai wacana hak asasi manusia di Malaysia, malah sudah sekian lama wujud dalam budaya di Malaysia sejak selepas merdeka. Antara layanan yang sering disuarakan adalah berkait dengan pekerja seks.

Hal ini kerana pekerjaan seks atau pelacuran antara pekerjaan yang tidak diiktiraf oleh mana-mana agama di dunia. Namun, pelacur adalah manusia biasa yang juga perlu meneruskan kehidupan dengan aman dan perlu diberi peluang untuk kembali kepada jalan yang benar mengikut teori kemoralan sosial dan agama masing-masing. Seorang pelacur juga mempunyai hati dan perasaan apabila maruah mereka diaibkan dan mereka juga inginkan satu kehidupan yang dapat memberikan kebahagiaan di pengakhiran hayat mereka seperti manusia normal.

Novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966), sebuah novel karya A. Samad Said menggambarkan keruntuhan akhlak masyarakat di Malaysia selepas merdeka dengan penuh signifikan kerana didatangkan dengan latar kepelbagaian masyarakat. Adalah lebih baik perbincangan makalah ini diawali dengan menyingkap pengertian pelacuran terlebih dahulu. Pendefinisan pertama dikutip daripada Noresah Baharom (2002: 732), yang merujuk istilah pelacuran kepada kata akar “lacur”, membawa maksud sundal jalang. Manakala, Eustace Chessier pula menyatakan;

“prostitution is the use of something in ways and for purposes that vile or despicable and reflects the moral collapse...”

(Eustace Chessier, 1970: 193)

Kedua-dua pernyataan di atas membawa maksud, pelacuran merujuk penggunaan sesuatu dengan cara-cara dan untuk tujuan-tujuan yang hina atau keji dan yang mencerminkan keruntuhan akhlak. Pemaknaan ini terlalu luas dan umum untuk menjuruskan pemaknaan pelacuran yang berlaku di Malaysia pada masa kini sebagai tanda keruntuhan sosial masyarakat yang tiada noktah sejak dahulu dan berlarutan hingga kini di Malaysia.

Selain itu, Abdul Hadi Zakaria dalam buku berjudul “Pelacur dan Pelacuran Di Malaysia” (1980: 20), menyatakan bahawa pelacuran membawa maksud ‘memberi perkhidmatan seksual dengan kurang memilih pasangannya untuk mendapatkan bayaran dan perkhidmatan yang ada kaitan dengan kejantinaan, raba-raba, cium-mencium, usik-mengusik hingga ke perhubungan berbeza jantina.’ Tambahan beliau lagi, pelacuran yang berlaku di Malaysia menepati realiti kerana seks dikatakan mempunyai kedudukan yang tinggi dan penting dalam kehidupan harian manusia. Dengan erti kata lain, seorang pelacur mesti ada kemahuan dan dibina oleh faktor penarik dan penolak dalam kegiatan pelacuran itu sendiri. Perhubungan ini dilihat sebagai gejala keruntuhan akhlak dalam masyarakat.

Adalah penting pendefinisan ini dilihat dari lensa sistem perundangan yang terdapat di Malaysia pula yang mendefinisikan pelacuran sebagai;

“...the act of a female offering her body for promiscuous sexual intercourse for hire whether in money or in kind; and “prostitute” shall be construed accordingly.”

(Akta, 1973: 1-2)

Berdasarkan beberapa pendefinisan di atas, dapat dirungkaikan istilah pelacuran itu dapat dipanggil “pekerja seks” kerana ia adalah perhubungan seksual yang menuntut sesuatu tuntutan istimewa diperolehi oleh seorang wanita selain kenikmatan seksual atau kasih sayang. Dalam Artikel 23 mengenai Deklarasi Hak Asasi Manusia atau *“Universal Declaration on Human Rights”* (selepas ini UDHR 1948), menyatakan bahawa setiap orang adalah berhak kepada pekerjaan, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas dan mendapat perlindungan sosial yang lainnya. Walaupun terdapat undang-undang yang menyatakan bahawa pekerja seks tidak boleh didiskriminasikan hak mereka seperti dalam Artikel 6, *“Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW) 1981,”* tetapi wanita sebagai pekerja seks dikatakan masih belum dilindungi dari segi undang-undang kerana faktor tabu, stigma, agama, budaya dan sebagainya menjadi penghalang. Justeru mereka terdedah kepada diskriminasi untuk mendapat layanan yang baik seperti orang biasa.

Pekerja seks diperlihatkan masih tidak mendapat perlindungan di Malaysia walaupun *"Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination against Women" (CEDAW)* 1981 diiktiraf di Malaysia. Hal ini kerana pekerjaan tersebut dianggap bertentangan dengan nilai moral masyarakat Malaysia. Sayugia, perlu diketahui umum, walaupun sebagai pekerjaan yang umumnya dilarang, tetapi pekerja seks merupakan seorang manusia yang memiliki hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam Artikel 5, UDHR 1948 yang menetapkan "tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghina".

Sebenarnya, dalam Perkara 6 di bawah tuntutan hak asasi manusia seperti yang terkandung di bawah UDHR 1948, menyatakan; "Setiap orang adalah berhak kepada pengiktirafan di mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang". Oleh kerana itu setiap orang memiliki kebebasan untuk memilih pekerjaan apa yang ingin dipilih untuk dijalankan agar dapat mempertahankan kehidupannya (Merryany Bowle, 2013: 13).

Kebebasan tersebut seakan tanpa batas sehingga kegiatan pelacuran pun dipilih selagi ianya dapat mempertahankan hidup dan kehidupan seseorang. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan hingga saat ini bekerja sebagai pelacur merupakan pekerjaan yang sama sekali dilarang kerana bertentangan dengan moral, agama, dan budaya terutama dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia. Namun, persoalannya mengapa sejak dahulu hingga kini, pekerjaan sebagai pelacur atau pekerja seks itu tetap ada.

Dengan menyingkap sejarah, sebenarnya kerjaya pekerja seks didapati telah wujud di Melaka pada abad ke-16 lagi (Ang Saw Yee, 1998: 26). J.M Gullick telah membuktikan bahawa pekerja seks wujud sebelum kedatangan British dan mereka memberi perkhidmatan seks kepada golongan atasan, pembesar, askar yang terdiri daripada golongan hamba, gundik, orang gaji dan dayang yang mengiringi pembesar dan raja (1970: 166).

Selain itu, wujud juga kerjaya pekerja seks di Tanah Melayu seperti di Pulau Pinang 1780 (1974: 1). Catatan sejarah yang lain membuktikan bahawa aktiviti pelacuran di Malaysia sudah sekian lama berlaku sejak tahun 1838 lagi di bandar Kota Bharu melalui tulisan Abdullah Abdul Kadir Munshi, seperti di bawah;

"Syahdan maka adalah sahaya lihat dalam negeri Kelantan itu terlalu banyak perempuan jalang. Maka apabila petang hari, datanglah ia dekat2 perahu segala dagang berjalan berduyun2. Adapun pakaiannya itu berkembar sahaja dengan tiada berbaju dan rambutnya bersanggul lintang sangkut. Maka dipakainya bunga melur berumbai2, panjangnya sampai ke lututnya. Maka ada pula yang memakai bunga melur berkarang, dengan berbagai-bagai2 jenis rupanya: ada yang seperti siku keluang dan ada berkerawang, terlalu indah perbuatannya; tiada pernah sahaya lihat dalam Melaka atau Singapura karangan bunga yang demikian bagusnya. Syahdan ada pula orang yang menjadi alku atau pinang muda yang datang kepada segala perahu2 dan bertanyakan perkara itu. Maka adalah "adat dalam negeri itu, tiada menjadi hina akan pekerjaan yang demikian itu adanya." [seperti tulisan asal]

(Abdul Kadir Munshi, 1838: 105)

Jelasnya, pernyataan di atas menggambarkan bahawa pekerjaan sebagai pelacur atau pekerja seks sudah wujud sejak tahun 1838 di Pelabuhan Kota Bharu, Kelantan. Wanita pekerja seks ditampilkan dengan berpakaian separa "telanjang" untuk menggoda pengunjung pelabuhan yang terdiri daripada saudagar. Mohd Faizal Musa (2019) juga menulis mengenai kegiatan pelacuran di Kelantan sejak dekad 30an. Beliau menyatakan, "bahawa pada tahun 1930an Kelantan sebuah negeri terawal yang telah mempunyai kaedah menangani pelacuran". Hal ini terlihat pada Notis Nombor 26 Tahun 1916: apabila laki-laki dan perempuan "jahat" yang dikeluarkan atas perkenan Sultan Muhamad IV. Notis ini memberi kuasa penuh kepada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu tanpa waran 'dengan kuasa sendiri' atau "dengan pertolongan mata-mata" untuk

menangkap laki-laki dan perempuan berkhawat. Sementara itu dalam Notis Nombor 3 Tahun 191 pula memperlihatkan betapa para wanita diusir dalam keadaan sulit. Wanita-wanita “pekerja seks” ini dihalau dari Kota Bharu dan mereka akan berpindah ke tempat atau lokasi lain untuk melacur. Hal ini meletakkan para wanita yang diusir ini dalam keadaan sulit. Jika mereka dihalau dari Kota Bharu, mereka akan berpindah katakan ke Selihong dan melacur pula di situ; atau jika mereka ditangkap dan dihukum di Pasir Putih atau mereka akan terpaksa ke Kedai Banggol untuk menjaga tubuh. Adapun, ini berkaitan dengan dasar British yang menggalakkan rumah pelacuran pada tahun 1900-1927 tanpa sekatan yang akhirnya telah mewujudkan kerancakan lagi kegiatan pekerja seks atau pelacuran kerana mendapat permintaan yang tinggi terhadap sektor ini (Nur Asnida, 2010:15).

Mohd Faizal Musa merujuk kepada kajian Haryati Hassan (2004: 83), berjudul “Wanita Kelantan Dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an - 1970an,” turut menyatakan bahawa pelacuran terus aktif selepas merdeka sehingga masa kini dalam kalangan wanita Melayu di Malaysia walaupun isu ini dilihat isu yang terpencil berdasarkan pembuktian dokumen-dokumen dan catatan rekod yang ditemuinya sepanjang kerja-kerja penyelidikan.

Tambahan beliau lagi, aktiviti sebagai “pekerja seks” dalam kalangan wanita tempatan khususnya Melayu ini telah bermula daripada pusat-pusat hiburan yang berkembang di bandar-bandar terawal di Malaysia. Pada peringkat permulaannya, wanita Melayu tempatan dikatakan telah menjadi pelayan di pusat-pusat hiburan (2004: 84). Kegiatan pelacuran yang berlaku dalam kalangan wanita Melayu tempatan ini telah dapat dikesan melalui rekod-rekod perubatan jajahan Kota Bharu menunjukkan adanya kes-kes penyakit kelamin (2004:85).

Ini bermakna “pekerja seks’ yang menyumbang kepada aktiviti pelacuran di Malaysia sudah wujud sejak sekian lama seperti yang dirakamkan oleh pengarang menerusi novel kajian. Untuk memberi jalan tengah kepada permasalahan kewujudan pelacuran yang bercanggah dengan pelaksanaan hak asasi manusia di Malaysia, maka kajian ini mengetengahkan “humanisme liberal” sebagai kerangka untuk melihat isu ini agar kembali kepada kearifan tempatan. Dalam makalah ini, sebuah novel kreatif A. Samad Said yang diterbitkan pada tahun 1966 berjudul ‘Ka-manaTerbangnya?’ dikemukakan sebagai menunjukkan bahawa tuntutan hak asasi manusia untuk pekerja seks dan daripada pekerja seks tidak asing malahan telah wujud dalam kalangan orang tempatan khususnya orang Melayu sejak dahulu lagi.

KERANGKA TEORI HUMANISME LIBERAL

Novel ‘Ka-manaTerbangnya?’, karya A. Samad Said dibincangkan untuk menunjukkan bahawa wacana hak asasi manusia tidak asing lagi, malahan telah menjadi perhatian dalam kalangan orang Melayu sejak dahulu lagi. Seperti yang disebut lebih awal, makalah ini menggunakan prinsip “humanisme liberal,” yakni merupakan salah satu fahaman dalam falsafah Barat, yang memberikan ‘kebebasan manusia pada tempat’ dengan menekankan makna melalui teks sastera. A. Teew, yang menyatakan bahawa setiap karya sastera berfungsi dan perlu dilihat dari segi maknanya seperti di bawah;

“Dalam teks sastera ungkapan itu sendiri penting, diberi makna, diberi semantik segala aspeknya; barang buangan dalam pemakaian bahasa sehari-hari, “sampah bahasa” (bunyi, irama, urutan kata dan lain-lain) yang dalam percakapan begitu dipakai begitu terbuang (asalkan komunikasi telah berhasil), dalam karya sastera tetap berfungsi, bermakna, malahan semuanya dimaknakan dan dipertahankan maknanya.”

(A. Teew, 1992: 4)

Isu Hak Asasi Manusia dalam Novel Ka-Mana Terbangnya?

Petikan di atas, menjelaskan bahawa dengan bahasa, segala bentuk pesanan atau mesej pengarang yang membawa suara “humanisme liberal” disampaikan kepada pembaca dengan baik dan lebih signifikan. Dengan erti kata lain, teks yang menampilkan bahasa kejelikan dapat menjadi teks yang signifikan dengan menghadirkan wacana “humanisme liberal” di dalamnya. Antara perintis teori “humanisme liberal”, ialah I.A Richard (1995), dengan menolak gagasan humanisme terdahulu yang bangkit pada zaman Renaissance. Menurut Richard,

“Renaissance period as a distinct historical moment, with its characteristic outlook, social formations, and so on, students could learn the techniques of practical criticism and simply analyse the words on page.”

(Peter Barry, 1995: 15)

Pernyataan ini menjelaskan bahawa, kesusasteraan dalam konteks “humanisme liberal” tidak seharusnya cuba dipisahkan dengan sejarah dan konteks. Ini berbeza dengan cara kerja humanisme Renaissance yang meletakkan teks sebagai “perkataan pada muka surat” semata-mata atau teks bersifat kosong. Menurut Richard, perhubungan antara sejarah dan sastera serta konteksnya sebagai satu gagasan perlu kuat supaya sastera tidak lagi menawarkan kandungan teks yang kabur, berbunga, muhasabah dan metafora, sebaliknya sejarah pembentukan sosial yang melatari penghasilan karya itu menyediakan pengetahuan sedia ada kepada khalayak untuk memahami kandungan teks dengan lebih mendalam (Peter Barry, 1995: 1-38).

Premis ini turut diperakui oleh A. Teew, yang menyatakan bahawa genre sastera sememangnya tidak hadir dalam keadaan kekosongan sejarah dan sosialnya (1983: 5). Malahan sesebuah puisi dan karya sastera lainnya telah diterima umum sebagai mencerminkan keadaan masyarakat dan kehidupan sosial pada zaman pengarangnya (Abrams, 1981; 178). Oleh itu seniman sebagai anggota masyarakat tidak terlepas daripada menerima keadaan dan kekuatan-kekuatan tersebut dalam menyampaikan mesej menerusi karya.

Selanjutnya, Abu Bakar Hamid, pula menyatakan, sastera sangat terkesan oleh perubahan sosial. Justeru beliau memberikan refleksi di bawah;

“...tanggapan dan sikap terhadap kesusasteraan dari zaman ke zaman sebagai sebahagian dari arus perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan tanggapan dan sikap ini perlu diperhatikan kerana dari perubahan-perubahan inilah dapat kita camkan arah perkembangan kesusasteraan kita.”

(Abu Bakar Hamid, 1974: 58)

Demikianlah premis di atas misalnya menyatakan bahawa, karya sastera sebelum Perang Dunia Kedua mengalami perubahan pada zaman selepas penjajahan. Perubahan tersebut adalah kesan daripada perubahan sosial dan persekitaran kehidupan yang mempengaruhi kreativiti dan sensitiviti memancarkan nilai-nilai kemanusiaan semasa melalui karya yang dihasilkan. Kesan ini bersesuaian dengan hakikat bahawa salah satu aspek yang mempengaruhi pengarang sewaktu menghasilkan karya adalah lingkungannya (Rene Wellek, 1966: 95).

Perbahasan tentang “kekosongan” sesebuah teks juga mendapat perhatian William Empson di dalam bukunya berjudul *“Seven Types of Ambiguity”*, mendapati peri pentingnya kaedah analisis lisan Richard terhadap kesan penyampaian mesej kepada khalayak pembaca sesebuah teks. Empson mengenalpasti tujuh jenis kekaburan dalam sastera seperti puisi jika dibaca sebagai *“the words on the page”* semata-mata berdasarkan analisis yang telah dilakukannya ke atas buku tersebut. Bahasa sastera harus diberi makna, dan yang sudah bermakna dapat diberi makna yang luar biasa berdasarkan makna yang biasa itu A. Teew, 1992: 20). Justeru, pengkritik Cambridge, F.R Leavis dalam ulasannya menyatakan bahawa buku *“Seven Types of Ambiguity”* sebagai *“highly disturbing book because it uses intelligence on poetry as seriously as if it were mathematics”* (Peter Barry, 1995: 1-38). Jelasnya, Leavis melihat buku *“Seven Types of Ambiguity”* menghalang

penyampaian mesej pengarang kepada khalayak kerana menggunakan kecerdasan puisi adalah serius seolah-olah ia adalah matematik. Bagi Leavis, tidak semua khalayak menyukai bahan bacaan berbentuk keterlaluan atau berlebih-lebihan (1995: 5). Berdasarkan hujahan di atas, dapatlah dikatakan bahawa, bahan bacaan yang bersifat keterlaluan menghasilkan bacaan yang bersifat kabur dan hasrat pengarang sebagai penyampai mesej kepada khalayak pembaca tidak akan tercapai. Membaca dan menilai sebuah karya sastera bukanlah sesuatu yang mudah (A. Teew, 1992: 14). Ini kerana, dalam kesusasteraan, kandungan teks perlu ada sifat kemoralan yang mengajar tentang kehidupan untuk memancarkan nilai-nilai kemanusiaan. Sifat manusia pada dasarnya tidak berubah. Nafsu yang sama, emosi yang dan bahkan keadaan dilihat sekali sepanjang sejarah manusia. Dengan erti kata lain, kesinambungan dalam kesusasteraan adalah lebih penting dan penting lagi daripada perubahan dan inovasi. Justeru, wacana “humanisme liberal” dilihat sesuai untuk mengungkap kemoralan sosial dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966) dengan lebih bermakna untuk mengajar tentang keaslian erti kehidupan.

Prinsip “humanisme liberal” digunakan sebagai teras dalam penelitian teks kajian, supaya pembaca dapat menerobos jauh dalam warisan sendiri, dan dari itu hak asasi manusia diperkuuhkan dan kelemahan yang wujud dalam UDHR 1948 dapat ditangani. Pada masa yang sama, kerangka ini disifatkan sebagai alat bagi mengembalikan persepsi jelik masyarakat sebagai jalan tengah. “Humanisme liberal” adalah kerangka yang berasaskan fahaman dalam falsafah Barat yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan serta martabat manusia. Ini kerana karya sastera salah satu bentuk hasil akal budi dan fikiran manusia yang bermedium bahasa dan mengandungi unsur imaginasi berfungsi sebagai alat komunikasi dalam masyarakat, yakni sebagai wadah penyampaian pesanan dari pengarang kepada pembaca. Abdul Hadi Zakaria, mengakui bahawa, novel, cerpen dan filem yang membayangkan atau condong ke arah keluahan akan mendapat sambutan dan mempunyai peminat yang ramai (1980: 11). Sayugia dapatlah dikatakan, sebagai sebuah karya kreatif, penampilan “pekerja seks” yang dikatakan pencetus kepada kegiatan pelacuran, ditemui dalam karya terpilih kajian dapat membuka mata hati dan fikiran pembaca untuk mengubah persepsi stigma negatif masyarakat terhadap wanita yang diasosiasikan sebagai “pekerja seks”. Tema “pekerja seks” sama ada dengan “kerelaan” mahupun “keterpaksaan” dalam sesebuah karya kreatif wajar ditarik keluar sebagai wacana yang menampilkan kebebasan berhubung dengan nasib wanita dalam banyak keadaan turut membincangkan sama ada ‘boleh’ atau ‘tidak boleh’ diletakkan di bawah Hak Asasi Manusia (Artikel 23). Dengan erti kata lain, kebebasan yang diperuntukan di bawah UDHR 1948 adalah satu jaminan yang diberikan dalam “humanisme liberal”. Menurut A. Samad Said, “Setiap karya atau setiap ciptaan sebenarnya ialah jawapan seorang seniman terhadap peristiwa yang ditempuhinya,” (1993: 16). Dengan menampilkan wanita “pekerja seks” sebagai pencetus kepada gejala pelacuran dalam karya kreatif terpilih kajian yang dihasilkan pada tahun 1960an untuk rakaman kembali isu pada masa kini, sekaligus menolak gagasan yang mengatakan bahawa karya-karya sedemikian adalah karya yang tidak berkualiti dan kekosongan.

METODOLOGI

Metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah metode analisis deskriptif, yang disifatkan oleh Setyosari sebagai satu penelitian yang bertujuan untuk menjelaskan atau mendeskripsikan suatu keadaan atau peristiwa, objek baik berupa orang atau segala sesuatu yang terkait dengan pembolehubah-pembolehubah yang dapat dijelaskan baik dengan angka-angka mahupun kata-kata (2010: 100). Metode ini merupakan metode yang berusaha memahami suatu gagasan dalam karya sastera untuk menemukan, mengembangkan, dan menguji kebenaran suatu pengetahuan. Metode ini sangat diperlukan untuk mengupas objek yang sedang diteliti. Adapun proses kerja diawali dengan metode penguraian sastera atas unsur-unsurnya dengan tujuan memahami penelitian antara unsur-unsur tersebut dalam mendukung suatu karya sastera. Jenis penelitian ini adalah penelitian kepustakaan yang mendeskripsikan watak wanita pekerja seks atau pelacur dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ karya A. Samad Said. Data yang digunakan diperoleh melalui

kajian pustaka, iaitu menjaring data tertulis melalui novel ‘Ka-manaTerbangnya?’. Menurut Semi (1993) penelitian kualitatif dilakukan dengan tidak mengutamakan angka-angka, tetapi menggunakan kedalamannya penghayatan terhadap interaksi antara konsep yang sedang dikaji secara empiris. Ciri penting penelitian kualitatif dalam kajian sastera deskriptif terhurai dalam bentuk kata-kata atau gambar jika diperlukan, bukan bentuk angka; lebih mengutamakan proses dibandingkan hasil kerana karya sastera merupakan fenomena yang banyak mengandung penafsiran; analisis secara induktif; dan makna (Endraswara, 2015: 15).

Dalam metode ini juga, dapat diteliti masalah normatif bersama-sama dengan masalah status dan sekaligus membuat perbandingan antara fenomena yang ditampilkan yang berlaku dalam novel kajian dari dahulu dengan fenomena semasa. Populasi dalam penelitian ini adalah penampilan watak-watak wanita sebagai pekerja seks atau pelacur yang terdapat dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ karya A. Samad Said. Penonjolan unsur tersebut dilihat dari awal alur cerita hingga pada akhir kisah novel tersebut.

ANALISA TEKS TERPILIH MELALUI LENSA HAK ASASI MANUSIA

Novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966), dipilih untuk dianalisa dalam makalah ini kerana penulis mendapati novel ini memaparkan isu wanita tempatan di Tanah Melayu sekitar tahun 1960an sebagai “pekerja seks” yang menggaluri keseluruhan plot cerita. Penulis mendapati perwatakan wanita Melayu dan bangsa lain di Malaysia sebagai “pekerja seks” di dalam novel kajian memperkenalkan satu bentuk diskriminasi. Kaum lelaki berpendapat wanita hanyalah layak di rumah dan sebagai ibu, isteri serta tidak pantas menguruskan hal-hal di luar ruang lingkup kehidupan berumah tangga yang dibina seperti mencari rezeki.

Sayugia, pewajaran terhadap pemilihan novel utama kajian ini juga adalah untuk menganalisis sejauhmana karya kreatif kajian ini menjelaskan kemampuan sebagai satu kaedah pernyataan balas wacana sastera terhadap penegakan UDHR 1948 di Malaysia. Penulisan makalah ini dibataskan kepada teks ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966) kerana penulis mendapati teks ini banyak merakamkan gambaran sosial masyarakat Malaysia khususnya tentang masyarakat Melayu sejak dahulu. Masyarakat Melayu pada ketika itu digambarkan jalani kehidupan yang bebas nilai dan ruang dalam pergaulan tanpa batasan jantina (Mohd Saleeh Rahmad, 2018: 10). Pernyataan ini menggambarkan bahawa berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan wanita di kalangan masyarakat Melayu, yang digambarkan semula oleh pengarang di dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’. Dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’, A. Samad Said merakamkan latar pergaulan bebas masyarakat setinggan yang terdiri daripada golongan bawahan seperti penarik beca, penjual rokok, penjual kuih, penarik kereta sewa, penganggur, ibu ayam, pelacur, pelayan dan orang kurang siuan. Bagi golongan wanita pula, dilukiskan sebagai suri rumah sepenuh masa atau pelacur. Masyarakat yang mendiami Kampung Alang Sunti ini terdiri daripada pelbagai kaum iaitu, Melayu, Cina dan India dan bergaul bersama tanpa bersifat sendeng antara satu sama lain.

Perkara 25 berdasarkan UDHR 1948 menjadi parameter kepada teks kajian yang menyebut; ‘Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, diperjandakan, keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya.’ Adapun hal ini digambarkan oleh A. Samad Said dengan nukilan masyarakat Kampung Alang Sunti menghadapi kesulitan hidup dan mengalami kehidupan miskin malahan, kebanyakannya tinggal di kawasan perumahan setinggan, rumah “panjang” beratap zink karat dan papan kasar. Masyarakat Kampung Alang Sunti hidup di kawasan yang sesak. Aspek kebersihan dikaitkan dengan kerendahan sivil seperti yang digambarkan melalui sikap kurang mementingkan kesihatan dan kebersihan persekitaran. Air

longkang yang tidak mengalir, sampah sarap berteraburan merupakan pandangan biasa di kawasan tempat tinggal. Novel ini turut memaparkan reaksi keresahan A. Samad Said terhadap kebersihan persekitaran. Hal ini digambarkan menerusi novel ‘Ka-manaTerbangnya?’, seperti di bawah;

“Itik dan ayam yang sedang makan di tepi longkang kecil yang berbuih, berlalat, dan hancing itu segera lari menggelach tidak tentu arah.”

(A. Samad Said, 1966: 27)

Situasi di atas menggambarkan rumah-rumah sewa yang didiami oleh masyarakat Kampung Alang Sunti sesak dan kotor. Suasannya pula sentiasa riuh rendah, terutamanya sekitar pukul satu pagi kerana penghuni wanitanya pulang selepas menjalankan tugas sebagai pelayan atau pelacur di kelab-kelab. Pada waktu petang hari juga sekali lagi digambarkan keriuhan Kampung Alang Sunti. Keadaan ini menggambarkan penghuni Kampung Alang Sunti berada dalam kawasan yang terhad dari segi ruang. Di situ lah kanak-kanak bermain. Di situ lah orang dewasa bergurau senda dan di situ jugalah haiwan seperti anjing, ayam dan itik berkeliaran. Dengan erti kata lain, rata-rata penghuni Kampung Alang Sunti tidak menikmati keselesaan dan sangat merimaskan hati seperti yang digambarkan oleh watak Pak Nordin yang diganggu ketika sedang tidur di dalam becanya; “Kau orang tak Nampak aku tidor? Pak Nordin serta-merta hilang sabarnya lalu membeliakkkan mata dan mengejar budak-budak itu. Mereka bertempiaran lari,” (1966a: 29) kata Nordin, menjerit tatkala diganggu oleh kanak-kanak nakal.

Seterusnya, Perkara 18 UDHR 1948 turut ditemui pada cara hidup orang Melayu di Kampung Alang Sunti yang memperlihatkan bahawa pelaksanaan hukum agama sepetimana yang termaktub di dalam Perlembagaan, yakni agama Islam sebagai agama rasmi tidak jelas diamalkan. Menerusi UDHR 1948; ‘Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan, hati dan agama; hak ini termasuklah kebebasan sama ada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendiri, menganuti agama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan pemujaan dan pematuhan. Justeru, watak-watak yang dirakamkan menerusi teks ‘Ka-manaTerbangnya?’(1966) memperlihatkan kaum yang hadir dalam karya kajian tiada satu kekuatan dalam hala tuju pembinaan kemoralan sosial dan sahsiah. Orang-orang Melayu khususnya digambarkan dalam teks terpilih kajian berada dalam kekeliruan mencari identiti diri. Golongan ini dilihat terumbang-ambing walaupun mereka menyedari tentang erti dosa dan pahala sebagai pengikut fahaman Islam yang patuh, seperti dalam perbualan watak tersebut; “Ka...kata orang, kita orang Islam masuk syurga akhirnya,” (A. Samad Said, 1966: 35) dan dialog Ramisah; ‘Baru tiga empat tahun dululah dia sembahyang. Itu pun sembahyang sahaja tonggang tonggek, tonggang tonggek. Hatinya masih kaudu. Baik lagi hati kita semua kata Ramisah,’ (1966a: 38).

Pada masa sama, A. Samad Said telah menghadirkan watak seorang lelaki kurus berbangsa Melayu yang dikatakan beragama Islam serta memakai “songkok” sebagai pelanggan pemuasan nafsu seks di Kampung Alang Sunti. Gambaran pengarang dalam teks kajian adalah relevan membuktikan bahawa, teks sastera tidak menolak wacana Islam, malahan wacana Islam juga dihadirkan. Namun kehadiran watak lelaki beragama Islam dan bersongkok memberi signifikan kepada kehidupan masyarakat yang disifatkan hanya bertopengkan agama. Watak lelaki Melayu golongan tersebut juga tidak terlepas peluang dengan menjebakkan diri dalam kegiatan pemuasan hawa nafsu melanggani pelacur-pelacur di Kampung Alang Sunti kerana atas dasar nama “manusia”, yang mempunyai nafsu. Konflik kelonggaran pelaksanaan amalan agama turut digambarkan oleh A. Samad Said pada pengucapan watak Tengku Shaion (ibu ayam), di bawah;

Isu Hak Asasi Manusia dalam Novel Ka-Mana Terbangnya?

“Tengku Shaion menceritakan bagaimana semasa berusia enam tahun lagi, dia telah membuat perhubungan kelamin di kampungnya dengan anak guru mengajinya di dalam kandang lembu di belakang rumah pada waktu maghrib,”

(A. Samad Said, 1966b: 64)

Adapun hal ini disifatkan telah mengangkat aktiviti keruntuhan moral masyarakat tempatan sebagai budaya yang bertentangan dengan syariah walaupun selari dengan tuntutan sepertimana yang termaktub di bawah UDHR 1948 dan diterima sejagat.

Perkara 6, dalam, *“Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) 1981 [selepas ini disebut CEDAW], pula menyatakan bahawa pekerja seks tidak boleh didiskriminasikan hak mereka. Pelacur juga adalah manusia biasa yang perlu diberi layanan yang baik agar mereka kembali ke pangkal jalan dan fitrah azali.

Namun dalam novel kajian, terdapat beberapa perkara yang mendorong wanita-wanita tersebut terlibat dalam aktiviti sebagai pekerja seks. Pertamanya, faktor ekonomi lantaran setelah kematian suami. Kemiskinan yang membuat seseorang memilih untuk mendapatkan kemewahan dengan cara yang cepat dan mudah tanpa keperluan kemahiran khusus atau latar belakang pendidikan yang baik. Hal ini memaksa wanita tersebut keluar dari kesulitan hidup dengan mencari pekerjaan yang dapat memberi sesuap nasi dan kesenangan. Keadaan ini digambarkan oleh pengarang yang rata-ratanya penghuni Kampung Alang Sunti tidak memiliki pendidikan walaupun pada peringkat sekolah kampung. Pendidikan di sini adalah seperti kurang pendidikan formal dan pendidikan agama sehingga mengakibatkan kurangnya etika dan moral seseorang sehingga dengan mudahnya memilih untuk menjadi seorang pekerja seks.

Keduanya, adalah faktor sosial yang merangkumi faktor keretakan dalam keluarga akibat perceraian dan kurangnya kasih sayang orang tua kepada anak yang mendorong anak terjerumus dalam kehidupan sebagai pekerja seks. Dalam hal ini, seseorang yang kekurangan kasih sayang, biasanya akan mencari individu lain yang berlainan jantina untuk mendapatkan kasih sayang yang diperlukan.

Seterusnya faktor ketiga adalah faktor politik. Kepincangan dan keruntuhan akhlak seperti aktiviti pelacuran yang berlaku tidak dilihat sebagai satu penyakit sosial yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah pencegahan. Aktiviti pekerja seks atau pelacuran ini tidak dipandang oleh pihak bertanggungjawab dalam usaha menangani atau memberi pelayanan yang lebih baik dengan memberi kesedaran kepada pelaku untuk keluar dari lompong kemaksiatan. Perkara ini secara tidak langsung akan terkait dengan isu-isu lain tanpa disedari. Adapun, hal ini ada disebutkan dalam Perkara 23 UDHR 1948 juga iaitu; “Setiap orang adalah berhak kepada pekerjaan, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas, kepada keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah dan kepada perlindungan daripada pengangguran. Setiap orang tanpa sebarang perbezaan adalah berhak kepada pembayaran saraan yang adil dan berfaedah baginya yang mana memastikan buat diri dan keluarganya suatu kehidupan sesuai dengan kemuliaan manusia, dan yang mana ditambah, jika perlu, oleh cara-cara perlindungan sosial yang lainnya. Dan perkara ini juga menyebut bahawa setiap orang berhak merubah dan menjadi ahli kesatuan sekerja bagi memperlindungi kepentingan-kepentingannya.

Makalah ini melihat novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ (1966), menjadi pilihan kerana karya ini dihasilkan daripada segi ruang masa, teks ini diterbitkan memperlihatkan satu tempoh yang ideal, masing-masing memperlihatkan perwatakan wanita Melayu yang terjebak ke dalam gejala keruntuhan akhlak dan tidak bermoral iaitu menjadi simbol erotik yang dominan. Pada masa yang sama, watak lelaki pula dilemahkan sifat dominan sebagai ketua keluarga dengan

mengelakkan diri sama ada untuk bertanggungjawab mahupun memikul tanggungjawab dengan kerelaan.

Hal ini digambarkan bagaimana Tengku Shaion mula terjerumus dalam kancah pelacuran, melalui perkenalan dengan seorang pemuda bernama Karim yang berusia 19 tahun. Pemuda tersebut telah mengikat janji untuk mengahwini Tengku Shaion sekiranya bersetuju memberi tubuhnya sebagai pelayanan nafsu di dalam sebuah *shelter*. Perkara ini terus berulang untuk beberapa malam. Tengku Shaion terus dilemahkan sifat kesucian wanitanya apabila diperkosa oleh Junid tanpa rasa belas. Namun setelah selesai perang, Karim tidak munculkan diri ke 'Naval Base' untuk menunaikan janji dan dikhabarkan telah terkorban letupan bom dalam perjalanan dari Geylang. Adapun terdapat khabar berita pula menyatakan bahawa Karim telah menikahi seorang anak dara bisu berusia 16 tahun. Justeru, pengarang menggambarkan watak lelaki di dalam teks kajian sebagai golongan yang mahukan perhubungan tetapi tidak mahu terikat dengan tanggungjawab berkeluarga atau menanggung perbelanjaan kekasih.

Kekeliruan ini timbul kerana UDHR 1948 dianggap model hak asasi manusia yang digubal tanpa menimbangkan faktor-faktor tempatan. Model hak asasi manusia di Malaysia seharusnya berbalik kepada agama Islam sebagai tunjang dalam merungkaikan kekusutan permasalahan sosial yang melanda khusus terhadap isu pelacuran seperti yang ditampilkan di dalam teks 'Ka-manaTerbangnya?' (1966). Pelacur yang tampil sepertimana gambaran pengarang di dalam teks kajian terus hidup melarat malahan golongan ini diperlihatkan diabaikan dan tiada satu institusi yang cuba menunjukkan jalan keluar daripada dunia pelacuran tersebut. Hal ini digambarkan oleh A. Samad Said;

"Beberapa waktu ini akhbar heboh mengabarkan tentang gerakan menangkap wanita2 seperti Tengku Shaion. Pelacur mesti di-singkirkan, mesti di-tangkap, di-masukkan ka-dalam rumah pemulihan akhlak. Bagitu-lah selalunya berita yang berlanjut2 itu berulang. Dua tiga tahun dahulu besar benar berita tentang ura2 hendak mendirikan rumah pemulihan akhlak itu, dan sekarang khabar itu bergema lagi."

(A. Samad Said, 1966: 11)

Dalam perhubungan pernyataan di atas, seharusnya kita tidak meletakkan hukuman salah ke atas satu pihak sahaja. Sehingga kini aktiviti pelacuran terus berlarutan di Malaysia walaupun apa yang hadir dalam novel adalah gambaran pada masa dahulu iaitu lewat 60an, seperti yang dirakamkan oleh A. Samad Said menerusi novel 'Ka-manaTerbangnya?' Petikan di atas juga turut diulangi untuk Perkara 7, UDHR 1948; 'semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak tanpa apa-apa pembezaan kepada perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Semua orang adalah berhak kepada perlindungan yang sama rata daripada sebarang pembezaan yang mealanggar Perisyntiaran ini dan daripada sebarang hasutan terhadap pembezaan sedemikian'. Manakala dalam Perkara 9 pula menyebut; 'Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya.'

Adapun di Malaysia, profesion pekerja seks ini tidak diiktiraf sama sekali memandangkan perbuatan pelacuran adalah perbuatan yang jelik dan jelas bercanggah dan bertentangan dengan tuntutan mengenai hak asasi yang diketengahkan dalam "*Cairo Declaration Human Rights in Islam*" yakni hak asasi yang ditegakkan perlu bersumberkan Allah Yang Maha Esa dan tiap tafsiran hak haruslah tidak bertentangan dengan undang-undang Syariah seperti dikatakan pada perenggan awal di atas. Akan tetapi, ada sebab musabab seseorang itu terjerumus dalam kancah pelacuran. Jelasnya, golongan ini tidak diberi peluang untuk memulakan kehidupan yang baru yang bercanggah dengan UDHR 1948, acuan yang mengiktiraf profesion ini. Dalam konteks hak asasi manusia, nilai-nilai kemanusiaan adalah universal.

Perkara 1, UDHR 1948 juga menjadi sorotan dalam novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ mengenai; ‘semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.’ Ini telah digambarkan di dalam novel kajian apabila kemiskinan hidup sedikit sebanyak mengeratkan hubungan persaudaraan dan persahabatan dalam kelompok masyarakat yang pelbagai bangsa di Kampung Alang Sunti. Sikap memahami dalam kalangan mereka sangat kuat seperti meminjamkan beras dan wang tunai semasa diperlukan. Perkara 1 UDHR 1948 menegaskan atas semangat persaudaraan yang kuat maka Tengku Shaion boleh tinggal bersama rakannya, iaitu Anidah yang diterimanya dalam hati sebagai saudaranya sendiri memandangkan dia tidak mempunyai anak, suami, ibu, bapa, mahupun saudara mara, kecuali Anidah sahaja. Dapatlah dikatakan, novel ‘Ka-manaTerbangnya? ini adalah salah sebuah novel sampel awal yang merungkaikan isu hak asasi manusia. Adalah dipercayai terdapat banyak lagi karya yang dianggap jelik sedemikian sebagai satu produk peradaban yang memenuhi gagasan hak asasi Barat, iaitu UDHR 1948.

KESIMPULAN

Novel Ka-manaTerbangnya? (1966) karya A. Samad Said banyak menyusurgalurkan nilai-nilai yang sama dengan UDHR 1948. Hal ini memperlihatkan bahawa isu hak asasi manusia bukanlah sesuatu yang asing dalam penghasilan novel tempatan. A. Samad Said selaku pengarang novel ‘Ka-manaTerbangnya?’ telah memugar isu hak asasi manusia dalam keseluruhan penghasilan novel tersebut dengan penuh unsur signifikan bagi memasuki pemikiran pembaca. Nilai-nilai kemanusiaan yang dimasukkan ke dalam novel kajian diharapkan dapat disampaikan amanatnya secara menyeluruh kerana novel ini berlatarbelakangkan kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Pengamatan melihat nilai-nilai yang ada pada wacana hak asasi manusia tidak bertentangan dengan Islam. Kebarangkalian ini timbul kerana pada dasarnya masyarakat yang ditampilkan dalam novel kajian terdiri daripada masyarakat majmuk yang menganuti pelbagai agama, dan Islam paling dominan. Sebaliknya penemuan wacana hak asasi manusia dalam novel kajian menggalakkan lagi peri pentingnya golongan pelacur yang ditampilkan dalam teks diberi peluang untuk menjalani kehidupan berlandaskan Islam yang benar sesuai dengan tuntutan syariah. Wacana hak asasi setidak-tidaknya menyedarkan pihak yang bertanggunjawab untuk mendekati, lantaran membawa golongan pelacur kembali ke akar. Novel kajian secara keseluruhan telah mengangkat nilai-nilai keadilan dan kemakmuran yang terselindung di sebalik UDHR 1948 yang sendeng ke Barat sebagai acuannya dibetulkan dengan kesesuaian tempatan supaya generasi akan datang dapat menikmati hak yang sama rata. Dengan kehadiran makalah ini, diharapkan dapat menyangkal percanggahan pendapat golongan yang berkepentingan yang bersungguh menolak wacana hak asasi seperti yang telah disepakati oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu secara bersatu padu tahun 1948 yang tidak memperlihatkan kearifan tempatan.

RUJUKAN

- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (1838). *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan. Singapura*: The Dap Abdul Hadi Zakaria. (1980). *Pelacur Dan Pelacuran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd
- Abrams, M. H. (1981). *The Mirror and The Lamp*. London-New York: Oxford University Press.
- Abu Bakar Hamid. (1974). “Arah Perkembangan Kesusastraan Melayu” kertas kerja dalam *Seminar Kesusastraan Nusantara*. (1973). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Amriani H. (2014). Realiti Sosial Dalam Novel Ro
- Ang Saw Yee. (1998). Kongsi Gelap Cina Dan Selangor Sejarah Awal Hingga Tahun 1990. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Ssatera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- A. Samad Said. (1966). *Ka-manaTerbangnya?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Cairo Declaration the Member States of the Organization of the Islamic Conference. (1990). The Cairo declaration on human rights in Islam: Adopted and issued at the nineteenth Islamic conference of Foreign Ministers in Cairo. <http://www.oicoci.org/english/article/human.htm>. [10 Mei 2019]
- Endraswara, Suwardi. (2011). *Metodologi Penelitian Sastra; Epistemologi, Model, Teori, dan Aplikasi*. Yogyakarta: Caps.
- Eutace Cheeser. (1970). *The Human Aspects of Sexual Deviation*. London: Arrow.
- Ensiklopedia Sastera Dunia, 2000: 243.
- Faisal Tehrani, 2019. Melacur, Melombong di Kelantan sekitar 1930an. <https://www.malaysiakini.com/columns/462763>. [28 Mac 2019].
- Faizal Musa, 2015. Hak Asasi Manusia Dalam Pepatah Minang Yang Terpilih. [https://www.academia.edu/.../Hak_Asasi_Manusia_Dalam_Pepatah_...\[4 Jan 2019\]](https://www.academia.edu/.../Hak_Asasi_Manusia_Dalam_Pepatah_...[4%20Jan%202019]).
- Harlida, 2001. Akta 597: Satu Perkembangan Hak Asasi Manusia Di Malaysia. http://repo.uum.edu.my/447/1/Harlida_Abdul_Wahab.pdf. [10 Mei 2019]
- Haryati Hassan. (2004). "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an". Tesis Dr. Fal, Fakulti Sastera Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- J. M Gullick. (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Law of Malaysia, Act 106. *Women and Girls Protection Act*, 1973. Pt 1. S.2, hlm.6. Lihat juga Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106): 1-2.
- Mahani Musa. (1998). 'Kaum Wanita Di Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Antara Batasan Tradisi Dan Realiti.' *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*. No.6.hal.26
- Malaysia. (2008). Human Rights Commision of Malaysia. Reading in *Humans Right and Law Enforcement* ISBN 978-983-2523-47-5. Artikel 23
- Malaysia. (2008). Convention on the Elimination of Discrimination against Women (CEDAW). Reading in *Humans Right and Law Enforcement* ISBN 978-983-2523-47- 5. Artikel 6
- Mohd Saleeh Rahmad. *Kuala Lumpur Kita Yang Punya: Paparan Realiti Sosial, Bebas Nilai Bebas Ruang*. Kertas Kerja Seminar Dewan Bahasa Dan Pustaka t.th. Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, t.t.k, [01 Disember 2018].
- Merryany Bowle, "Kajian Hak Asasi Manusia Terhadap Perlakuan Diskriminasi Kepada Pekerja Seks Komersial." Vol.xx1/No.3/April-Jun. 2013, hal.13
- Noresah Baharom. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nur Asnida Abu Bakar. (2010). Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1986-1930. *Disertasi Jabatan Sejarah*, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, hal.15.
- Othman Puteh (peny.). (1993). *Hati Muda Bulan Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peter Barry. (1995). *Beginning Theory: An Introduction to Literary and Cultural Theory*. New York: Manchester University Press. Hlm, 1-38.
- Rene Welle, Rene & Warren, Austin. (1966). *Theory of Literature*. London: Penguins Books.
- Rohimi Hj. Shapiee. (1998). Hak Asasi Manusia pada Dekad 90an-Dilihat pada pertimbangan masyarakat sedang membangun dan Asia. *CLJ Legal Network*.
- Semi, M. Atar. (1983). *Metode Penelitian Sastera*. Bandung: Angkasa
- Setyosari, Punaji. (2010). *Metode Penelitian Pendidikan dan Pengembangan*. Jakarta: Kencana
- Teeuw. A. (1983). *Membaca Dan Menilai Sastera*. Jakarta. Penerbitan PT Gamedia
- Teeuw. A. (1992). *Membaca Dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Universiti Sains Malaysia. (1974). "Prostitutes and Prostitution in Malaya Between the 1980's and 1930's." Kajian Kes. Universiti Sains Malaysia. Hal.1

